

“Projek kereta kabel ini selamat” hanya satu teori. Lihat sekitar kita, apakah yang terjadi kepada pembangunan di cerun bukit? Hanya malapetaka yang mengambil tempat. Adakah kita ingin lihat Bukit Larut kita MUSNAH?

## **BERITAHU KERAJAAN NEGERI PERAK, “JANGAN MENODAI BUKIT LARUT”.**



**Jangan jadikan Bukit Larut satu insiden seperti Bukit Antarabangsa**



Bukit Antarabangsa (Sumber: CBS News)



Bukit Antarabangsa (Sumber: The Star)



# **JANGAN MENODAI BUKIT LARUT (BUKIT LARUT)**

Semua warga Taiping, Bukit Larut (Maxwell Hill) merupakan satu-satunya sumber air yang kita ada. Sebarang pembangunan akan membinasa harapan kita untuk mendapat bekalan air yang bersih.

Disokong oleh:



# MENGAPA KITA PERLU MEMBANTAH PROJEK KERETA KABEL INI?

## I. Bukit Larut merupakan kawasan tadahan air

- Mengikut statistik Lembaga Air Perak, 21.53 km persegi kawasan digunakan sebagai kawasan tadahan air.
- Sebarang gangguan di KAWASAN INI atau BERDEKATAN akan memberikan impak yang teruk kepada sumber air dan ekosistem sekitarnya.
- Sebelum ini, menara telekomunikasi yang dibina menyebabkan air berlumpur di kawasan tadahan air untuk beberapa bulan.
- Jika kawasan tadahan ini diganggu, bekalan air minuman untuk kawasan Utara Perak akan terganggu.

## II. Cerun bukit yang tidak stabil

- Menurut kajian cerun, Bukit Larut dilaporkan mempunyai kehilangan tanah sebanyak 150 tan/hektar/tahun. Nilai ini membuktikan Bukit Larut tidak sesuai untuk struktur sebegini.
- Kita tidak perlukan satu lagi insiden Bukit Antarabangsa di Bukit Larut.
- Pembangunan lereng bukit akan menambahkan kadar aliran air. Ini menyebabkan lereng-lereng dan cerun yang tidak stabil terdedah kepada kemungkinan tanah runtuh, dan bukan sahaja membahayakan pelancong, malah penduduk sekitar Taiping.
- Menurut kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Tanah Runtuh Negara, UiTM, Bukit Larut ialah salah satu daripada 14 kawasan cerun dan tanah tinggi di Semenanjung Malaysia yang dikenal pasti berisiko tinggi berlaku kejadian tanah runtuh. Kawasan ini akan bertambah bahaya jika hujan menurun berterusan selama 3 hari atau lebih.

## III. Satu-satunya Hutan simpanan kita

- Pada tahun 1910, 7130 hektar telah diklasifikasi sebagai hutan simpanan. Tambahan pula, 2747 hektar hutan di Bukit Larut digazet sebagai "Larut Hills Virgin Jungle reserve" pada tahun 1962.
- Pengiktirafan Kerajaan Persekutuan ini adalah untuk memastikan ekosistem di Bukit Larut tidak terjejas. Dalam satu kajian ekoloji oleh FOMCA dan WWF pada 1997 banyak penemuan serta cadangan telah diterbitkan.

- Menurut laporan oleh agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Bukit Larut diklasifikasi sebagai Pusat Kepelbagaian Serantau untuk Tumbuhan ("A global overview of protected areas on the world heritage list of particular importance for biodiversity 2000" by World Conservation Monitoring Centre, UNEP).
- Para pelancong akan meminta lebih banyak kemudahan untuk dibina di Bukit Larut. Adakah kita ingin melihat Bukit Larut menjadi seperti Cameron dan Genting Highlands semata-mata untuk memenuhi kehendak ini?
- Penemuan terbaru oleh saintis-saintis dari luar negara telah menunjukkan bahawa terdapat flora dan fauna yang unik di kawasan ini dan hanya boleh dijumpai di Bukit Larut.

## IV. Penambahan penghasilan sisa disebabkan banyak pelancong

- Apabila bilangan pelancong meningkat, penghasilan sisa juga akan bertambah. Ini bermakna, lebih banyak kawasan diperlukan untuk tujuan pengurusan sisa pepejal serta sisa kumbahan.
- Tambahan lagi, ia tidak memerlukan pengetahuan saintifik yang mendalam untuk mengetahui bahawa rakyat Malaysia memang sangat 'produktif' dalam menghasilkan sampah dan bahan buangan. Daripada sudut ekonomi, ia akan menambah beban kepada kerajaan tempatan Taiping untuk mengurus sisa-sisa dan bahan buangan ini.
- Malah, apa akan terjadi apabila semua 'hype' atau keseronokan yang digempar-gempurkan tentang kereta kabel ini hilang setelah dua atau tiga tahun? Adakah projek ini akan menjadi 'gajah putih' untuk penduduk-penduduk sekitarnya? Ia akan menjadi pembaziran yang besar sementara alam sekitar sudahpun dihancurkan.

## V. Pergerakan manusia and impaknya

- Apabila bilangan pelancong meningkat, haiwan (fauna) akan bergerak menjauhi habitat semulajadi mereka. Ini akan memberikan impak yang serius kepada ekosistem di sini.
- Penduduk Taiping sekarang sudah mempunyai masalah dengan kehadiran monyet-monyet yang 'mencerobohi' kawasan-kawasan rumah mereka. Kita tidak memerlukan satu lagi kes 'pencerobohan' binatang-binatang buas ke kawasan kediaman, yang akan membahayakan komuniti setempat.